



## Lawatan ke Gua Bama, Lipis

SERAMAI 16 orang peserta Unit Pengurusan Geopark Lembah Kinta, Perak telah mengunjungi lokasi bersejarah Gua Bama di Kampung Relong, Lipis, Pahang baru-baru ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Keselamatan Kampung (JPPK) Relong, Ishak Mohamad berkata, kunjungan tersebut bertujuan melihat sendiri kesan sejarah awal penempatan di situ di samping menikmati makanan tempatan daerah berkenaan.

Katanya, lawatan berkenaan juga menjadi medan perkongsian ilmu dan pengalaman mengenai sejarah Lipis selain merapatkan ukhuwah antara penduduk Kampung Relong dengan pihak pengurusan Geopark Lembah Kinta, Perak.

■ **KAKITANGAN** Unit Pengurusan Geopark Lembah Kinta, Perak bersama ahli JPPK bergambar bersama ketika lawatan ke Gua Bama, Kampung Relong, Lipis, Pahang baru-baru ini. - UTUSAN/  
HARIS FADILAH AHMAD